



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ZAINI BT MOHD NOOR  
KETUA UNIT REKOD HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (HUSM)**

**OLEH:**

<b>MUHAMAD NAIM MUSTAQIM BIN ZAIZAKRANI</b>	<b>2013920109</b>
<b>MUHAMMAD SYAZWAN BIN NORMAN</b>	<b>2013378521</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2014 – JAN 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ZAINI BT MOHD NOOR  
KETUA UNIT REKOD HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (HUSM)

OLEH:

MUHAMAD NAIM MUSTAQIM BIN ZAIZAKRANI	2013920109
MUHAMMAD SYAZWAN BIN NORMAN	2013378521

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC-JULAI 2015)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan nikmat kurnianya kami dapat menyiapkan projek Oral Documentation ini dengan jayanya. Kami juga bersyukur kepadaNya kerana memberi kami ruang, peluang dan kesihatan untuk menjalankan projek ini dengan penuh istiqamah tanpa sebarang masalah.

Pertamanya kami berterima kasih kepada pihak HUSM kerana membenarkan kami menjalankan projek ini disana dengan menemubual salah seorang staff veteran mereka iaitu Puan Zaini , ketua unit rekod di HUSM. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Puan Zaini kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk meneruskan sesi temubual ini untuk subjek Oral Documentation ini. Walaupun beliau sibuk beliau tetap sudi untuk membantu kami dalam menjayakan projek ini. Disamping itu kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah untuk subjek ini iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada kami dalam melaksanakan projek ini tanpa mengira penat dan lelah.

Selain itu kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami yang sentiasa menyokong kami dalam melaksanakan projek ini, dengan berkat doa dan restu mereka kami berjaya menyiapkan projek ini walaupun ada beberapa kekangan yang kami hadapi sepanjang projek ini.

Akhir sekali kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami yang juga membantu kami dalam melaksanakan projek ini dengan memberi sokongan, dorongan dan moral serta tunjuk ajar kepada kami tanpa mengenal erti penat lelah.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temu bual ini adalah antara tokoh dalam bidang pengurusan rekod yang bekerja di HUSM, Puan Zaini Mohd Noor dan pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat [FPM] dari UiTM Kelantan. Tujuan temu bual ini adalah untuk mengetahui tentang bidang pengurusan rekod perubatan yang juga ada kaitan dengan subjek-subjek yang diajar di Fakulti Pengurusan Maklumat. Artikel ini ditulis berdasarkan maklumat yang diperolehi secara lisan daripada tokoh sendiri dan tidak ada maklumat tambahan yang direkodkan. Maklumat yang diperolehi direkodkan di dalam bentuk rakaman supaya tidak ada unsur penipuan untuk menyiapkan transkrip ini. Maklumat yang ada adalah berkaitan peribadi tokoh dan juga kefahaman tokoh tentang bidang seni yang diceburi beliau. Terdapat juga maklumat tentang sejarah penubuhan HUSM dan juga bahagian rekod yang juga perlu diambil tahu serba sedikit oleh pelajar-pelajar FPM.*

**Kata kunci:** Rekod, Puan Zaini, Fakulti Pengurusan Maklumat, Pengurusan Rekod, Pelajar

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-iv
Isi Kandungan.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-xi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Peribadi Tokoh.....	02-07
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh.....	08-11
Bahagian3: Pengalaman Pekerjaan Tokoh.....	12-14
Bahagian 4: Latar Belakang Unit Rekod.....	15-19
Bahagian 5: Penglibatan Tokoh dalam Pengurusan Rekod HUSM.....	20-25
Bahagian 6: Pencapaian, Penglibatan dan Penganugerahan.....	26-28
Bahagian 7: Pendapat, Pandangan dan Nasihat daripada Tokoh.....	29-36
Rujukan.....	36
Lampiran	
Log Wawancara.....	38-40
Diari Kajian.....	41-42
Senarai soalan.....	43-48
Surat Perjanjian.....	49-50
Gambar.....	51-52
Indeks.....	53-55



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Nama	:	Puan Zaini binti Mohd Noor
Gelaran	:	Puan Zaini
Kerjaya	:	Ketua Unit Rekod HUSM
Tempat lahir	:	Kuala Krai , Kelantan
Jantina	:	Perempuan
Nom. Telefon	:	09-7673146
Warganegara	:	Malaysia
Bangsa dan agama	:	Melayu/Islam
<b>PENDIDIKAN</b>		
Sekolah rendah	:	1. Sekolah Rendah Sultan Yahya Putra
Sekolah menengah	:	1. Sekolah Menengah Zainab
Universiti	:	1. Universiti Sains Malaysia (USM)
<b>PEKERJAAN</b>		
1. Bertugas sebagai Ketua Unit Rekod dari tahun 1985-kini		
<b>ANUGERAH YANG PERNAH DICAPAI</b>		
1. Anugerah Tertinggi Cemerlang (ATC)		
2. Anugerah Cemerlang dan Perkhidmatan Cemerlang		
3. Perkasa Setia yang di-Pertuan Kelantan (2013)		

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Rekod ialah fail-fail yang mengandungi maklumat yang disimpan dalam bentuk dokumen sama ada ia dicipta atau diterima oleh syarikat itu atau secara persendirian. Rekod boleh dijadikan salah satu bahan rujukan dalam melakukan kajian serta mengemukakan bahan bukti jika ada suatu permasalahan berlaku. Rekod boleh disimpan secara salinan asal iaitu bentuk kertas atau dalam bentuk audio ataupun video. Rekod yang disimpan haruslah ada nilai, unik dan asli. Rekod ada beberapa jenis iaitu rekod terbuka, rekod sementara, rekod tertutup dan rekod rahsia. Rekod-rekod yang mengandungi nilai haruslah dijaga sama ada dipelihara atau dipulihara.

Pengurusan rekod pula adalah proses mengenalpasti, pemeliharaan, pengklasifikasian dan pemansuhan rekod. Untuk menguruskan rekod itu seseorang pekerja haruslah mempunyai kemahiran supaya semasa pencarian kembali rekod itu mudah dicari sebagai rujukan pada masa akan datang. Selain itu, pengurusan rekod haruslah mempunyai sifat amanah dan berintegriti dalam menguruskan rekod kerana mereka perlu pastikan maklumat rekod-rekod rahsia tidak diketahui oleh orang luar yang tiada kaitan dengan syarikat. Rekod perlu disimpan untuk beberapa tempoh tertentu yang telah ditetapkan oleh syarikat. Selepas tamat tempoh penyimpanan ia akan dinilai sama ada untuk dimusnahkan atau dihantar kepada Arkib Negara Malaysia.

Rekod mempunyai nilai tersendiri iaitu nilai primier dan nilai sekunder. Nilai primier melibatkan pentadbiran, perundangan dan kewangan. Manakala nilai sekunder melibatkan maklumat, bukti, sejarah, pencarian serta kenegaraan. Terdapat beberapa jenis rekod iaitu rekod aktif, rekod separuh aktif dan rekod tidak aktif. Rekod aktif adalah rekod yang kerap digunakan dan disimpan dibilik fail. Rekod ini adalah rekod yang selalu dirujuk dan digunakan oleh syarikat. Rekod separuh aktif pula adalah rekod yang masih mempunyai nilai tetapi jarang digunakan. Kebanyakan rekod sebegini akan disimpan di Pusat Rekod. Manakala rekod tidak aktif adalah rekod yang masih mempunyai nilai tetapi tidak lagi oleh syarikat namun boleh dijadikan rujukan kepada para pengkaji maklumat.

Jika ia masih mempunyai nilai ia akan dihantar ke arkib tetapi jika rekod itu tidak mempunyai nilai lagi ia akan dimansuhkan atau dilupuskan. Cara pelupusan bergantung kepada syarikat itu ingin lakukan tetapi perlu mendapat kelulusan daripada Arkib Negara Malaysia.

Bagi Puan Zaini binti Mohd Noor, pengurusan rekod ini sudah terbiasa bagi beliau kerana beliau telah bekerja lebih daripada 20 tahun dalam bidang pengurusan rekod. Walaupun beliau daripada profesion yang lain namun, beliau dapat terapkan profesion beliau dalam menguruskan rekod dengan cara menghasilkan satu sistem pengurusan rekod untuk Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Sistem yang dibangunkan oleh beliau banyak membantu bahagian pengurusan rekod kerana ia membuatkan proses penyusunan rekod lebih teratur serta proses pencarian rekod lebih cepat dan efektif. HUSM melaksanakan proses penyimpanan rekod dalam bentuk salinan asal serta dalam bentuk elektronik. Ini untuk penjimatan ruang yang digunakan di HUSM. Bahagian unit rekod HUSM juga ada terlibat dengan pelbagai program sama ada dalam negeri serta luar Negara dan telah membawa nama HUSM ke dunia luar. Sebab itu HUSM sekarang menjadi salah satu hospital yang akan digunakan oleh mana-mana pesakit kerana dari segi pengurusan dan doktor-doktor pakar yang ada disitu.

Tujuan rekod diurus adalah untuk mengurangkan kepadatan rekod, membuang rekod yang tidak digunakan lagi, menjimatkan ruang penyimpanan rekod, mempercepatkan proses pencarian, menjimatkan kos penyimpanan serta memastikan rekod dalam keadaan baik semasa ingin digunakan. Rekod-rekod yang disimpan haruslah disimpan dengan baik dan rapi supaya maklumat yang disediakan adalah tepat, mempunyai maklumat yang dikehendaki, rekod diurus dengan baik dan penjimatan kos serta membuat keputusan yang tepat berdasarkan rekod sedia ada.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang seorang Pegawai Pengurusan Rekod di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) yang dikenali sebagai Puan Zaini. Berikut adalah hasil rakaman termasuk permulaan dan pengakhiran temu bual di pejabat beliau iaitu di Bahagian Unit Rekod Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

Assalamualaikum w.b.t. Hari ini saya Muhamad Naim Mustaqim bin Zaizakrani dan rakan saya iaitu Muhamad Syazwan bin Norman, pelajar tahun tiga Fakulti Pengurusan Maklumat daripada UiTM Kelantan akan menemu bual seorang tokoh yang terkenal dalam bahagian pengurusan rekod di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) iaitu Puan Zaini binti Mohd Noor atau lebih dikenali sebagai Puan Zaini.

### Petunjuk:

MN : Muhamad Naim Mustaqim bin Zaizakrani

PZ : Puan Zaini binti Mohd Noor

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI TOKOH

**MN : Assalamualaikum, hari ini sesi temubual bersama ketua unit rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] iaitu Puan Zaini, pertama sekali terima kasih kerana menerima pelawaan kami untuk sesi temubual ini. Boleh saya meneruskan perbualan untuk, subjek kami *oral history* [sejarah lisan] untuk dibentangkan dalam kelas, boleh saya meneruskan perbualan ini?**

**PZ : Ya boleh insyaAllah.**

**MN : Mula-mula sekali soalan saya, boleh berikan nama penuh dengan asal**

**usul Puan Zaini?**

PZ : Nama saya Zaini Mohd Noor, asal saya Kuala Krai, Kelantan. Suami saya, memang seorang suami [ketawa]. Suami saya dah bersara, bersara awal. Sebelum ini dia bekerja sebagai Ketua Unit Sistem Maklumat. Asal suami Kota Bharu. Pembelajaran anak?

MN : **Ya, pembelajaran anak.**

PZ : Anak sulung dah tamat belajar, dah juga berkeluarga, yang ini dari *UTP* [Universiti Teknologi Petronas], dia buat *electronic engineering* [kejuruteraan elektronik], ini yang perempuan. Yang kedua juga perempuan juga, baru tamat belajar. Yang bongsu masih belajar di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA].

MN : *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] mana?

PZ : *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Shah Alam.

MN : **Shah Alam, ijazah ataupun diploma?**

PZ : Baru habis diploma baru ini, dan sambung ijazah.

MN : **Dalam bidang apa?**

PZ : Bidang muzik.

MN : **Oh, muzik**

PZ : *Composition* [mengarang].



**MN : Apakah usaha yang dilakukan untuk masa depan anak, *macam* [seperti] dari segi kewangan ke dari mana kewangan untuk pendidikan yang diberikan untuk anak-anak?**

**PZ :** Pendidikan, alhamdulillah. Mereka dah berjaya di *IPTA* [Institusi Pengajian Tinggi Awam] dan *IPTS* [Institusi Pengajian Tinggi Swasta], yang penting sekarang ini bila dah lepas alam pembelajaran kalau masih belum berkeluarga lagi memang tanggungjawab saya untuk bantu. Tapi kalau yang dah berkeluarga, berkerjaya memang harap dapat teruskan. Tapi yang belum dapat atau ada kerjaya lagi saya sekarang ini memang nak bantu mereka dari segi perkembangan kerjaya, nak minta kerja atau nak sambung belajar juga saya tidak kekang.

**MN : Macam, dorongan yang diberikan kepada anak-anak, selalu *support* [sokong] apa yang mereka inginkan atau ada cadangan lain untuk mereka sambung pelajaran dari *certain* [sesuatu] subjek.**

**PZ :** Ya, saya *support* [sokong] tidak mengikut bidang yang saya suka. Contohnya anak saya yang sulung itu memang layak untuk medik, tapi dia tidak minat. Dia minat *engineering* [kejuruteraan], dia minat bahagian itu saya *support* [sokong]. Yang bongsu juga sama dia minat muzik, minat sangat walaupun dia dapat peluang dalam bidang yang lebih sesuai dengan kehendak saya , tapi bila dia minat kita bagi dorongan, sebab kalau anak ini bagi saya kalau dia buat kerana kita, kehendak ibu bapa kan susah untuk berjaya, bila saya tengok anak saya yang baru tamat belajar itu memang *result* [keputusan] dia cemerlang sebab dia juga memang betul-betul fokus betul-betul minat kan *so* [jadi] saya bagi dorongan

sahaja, *so* [jadi] saya bagi dorongan supaya walaupun dia ikut minat tapi jangan lari daripada batas, kita pimpin sahaja.

**MN : Pada waktu hujung minggu ataupun waktu-waktu cuti biasa aktiviti Puan Zaini dirumah?**

PZ : Sekarang ini saya berdua sahaja di rumah, aktiviti di rumah juga berkebun, saya menjahit. Kalau dulu dengan anak-anak saya bawa keluar bercuti sini kan banyak resort.

**MN : *Okay* [Baiklah]. Dari segi pertandingan atau sukan yang pernah disertai samada sukan yang dijalankan oleh *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] atau sebelum Puan Zaini memegang jawatan di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia].**

PZ : Saya memang minat sukan, saya memang ahli sukan, waktu saya sekolah rendah sehingga universiti. Waktu sekolah rendah saya wakil daerah dan naik sekolah menengah juga sama wakil sekolah dan wakil daerah dalam olahraga dan di universiti saya tidak ada olahraga saya ambil aktiviti lain. Saya memang minat sukan, sampai sekarang juga kalau ada aktiviti hari keluarga ke saya akan libatkan diri.

**MN : Boleh ceritakan sedikit tentang ahli keluarga sebelah Puan Zaini.**

PZ : Sebenarnya adik beradik saya ada *sepuluh* [10].

**MN : Banyaknya [ketawa].**

PZ : Yang sempat dengan saya *sembilan* [9], yang seorang tidak ada sebelum

saya dilahirkan. Yang *sembilan* [9] ini *empat* [4] perempuan *lima* [5] lelaki. Sebenarnya *empat* [4] perempuan ini saya seorang sahaja yang dapat ke universiti yang *tiga* [3] lagi tidak berpeluang memang ada tawaran tapi masalah keluarga, masalah *financial* [kewangan], tapi walaupun mereka tidak berpeluang masa muda tapi waktu usia *lima puluh* [50] mereka dapat peluang sambung belajar dan alhamdulillah *pointer* [penunjuk markah] mereka juga tinggi dalam *tiga perpuluhan tujuh kosong* [3.70], jadi semangat dari muda [kemahuan untuk belajar]. Cuma dulu tidak berpeluang untuk masuk. Ini yang lelaki seorang sahaja yang tidak dapat sambung ke universiti yang lain itu tidak ada yang disini. Semuanya luar negara. Tapi --- ya, sekarang ini kerajaan bantu kan, kalau dulu sendiri-sendiri [ketawa] jadi bila berada disana baru dapat *apply* [mohon].

**MN : Sekarang ini masih berhubung dengan adik beradik kan?**

PZ : Ya, sekarang ini tinggal *tujuh* [7].

**MN : *Tujuh* [7] itu semua tinggal di kawasan Kelantan ataupun ada yang di negeri lain atau yang di *oversea* [luar Negara]?**

PZ : *Oversea* [luar Negara] tiada, sekarang ini yang perempuan semua ada di Kelantan, yang lelaki *dua* [2] orang di Kelantan dan yang lain di *KL* [Kuala Lumpur], masing masing dengan kerjaya masing masing.

**MN : Sepanjang hidup Puan Zaini apakah kesusahan yang pernah dialami dalam hidup Puan Zaini?**

PZ : Saya memang berasal dari keluarga yang susah sebab *sepuluh* [10] adik beradik kan. Ayah saya dulu imam masjid, dulu imam masjid mana ada gaji kan, ibu saya pula jual kuih, ajar mengaji banyak aktiviti, itu kesusahan yang kami semua lalui sebab semangat, semangat itu ada. Mak ayah bagi sokongan walaupun tidak dapat menyumbang dari segi akademik ini tapi mereka bagi semangat dari yang sulong sampai yang bongsu, mereka bagi dorongan. Walaupun susah kami tidak rasa himpit sangat kami rasa *happy* [gembira] sahaja.

MN : **Hidup macam orang biasa.**

PZ : Ya hidup macam orang biasa, kami pagi tolong hantar kuih, hidup masa itu memang susah la. Tapi saya adik-beradik ini semua bila sekolah menengah dapat tawaran masuk asrama. Saya juga waktu main sukan, cikgu mari di kampung tanya saya nak masuk asrama, saya tanya mak, mak tanya nak tidak saya jawab nak. Semasa itu cikgu yang tolong dulu kita mana ada tawaran-tawaran kan *so* [jadi] dulu cikgu yang tolong *apply* [mohon]. Kita juga tidak tahu, cikgu nampak ada beberapa murid yang ada potensi dia tolong. Alhamdulillah saya semua adik-beradik, Cuma abang dan kakak seorang sahaja yang Sekolah Menengah di Kuala Krai.

MN : **Itu serba sedikit tentang latar belakang Puan Zaini. *So* [jadi] boleh kita teruskan dengan latar belakang pendidikan boleh?**

PZ : InsyaAllah.

TAMAT BAHAGIAN 1

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH**

**MN : Boleh Puan Zaini cerita tentang sekolah rendah?**

**PZ :** Saya bersekolah di *SK Sultan Yahya Putra* [Sekolah Kebangsaan Sultan Yahya Putra].

**MN : Sekolah menengah?**

**PZ :** Sekolah menengah di *SM Zainab* [Sekolah Menengah Zainab].

**MN : Pengajian di peringkat tertinggi?**

**PZ :** *USM* [Universiti Sains Malaysia], dalam bidang Komputer Sains

**MN : Ijazah?**

**PZ :** Ya, - ijazah.

**MN : Selain itu ada tidak sijil-sijil lain yang diperolehi oleh Puan Zaini, selain ijazah - ada tidak buat sijil-sijil sampingan?**

**PZ :** Tiada, lepas belajar terus masuk universiti.

**MN : Anugerah kecemerlangan yang pernah Puan Zaini dapat semasa di dalam pembelajaran.**

**PZ :** Semasa pembelajaran, tiada.

**MN : Contohnya macam keputusan cemerlang?**

**PZ :** Dulu-dulu tidak ada.

**MN : Apa kekuatan yang ada pada puan Zaini yang menjadikan Puan Zaini tabah dalam kehidupan untuk mencari ilmu, yang membuat Puan Zaini lebih tabah.**

**PZ :** Yang utama sekali masa saya belajar ia nak mengubah nasib keluarga, itu memang matlamat setiap anak-anak.

**MN : Apakah subjek pelajaran yang paling diminati oleh Puan Zaini?**

**PZ :** Saya dulu-dulu minat matematik, memang daripada sekolah dulu memang saya minat matematik

**MN : Kenapa jadikan matematik sebagai subjek yang diminati, adakah dari segi kira mengira ke?**

**PZ :** Saya jenis tidak suka menghafal [ketawa], matematik ini suka mengira dan logik, kalau kita ada *additional mathematics* [matematik tambahan] kan, kenapa dapat jawapan macam itu jadi ianya logik.

**MN : Semasa belajar macam mana Puan Zaini memahami satu-satu subjek itu bila tidak faham, contohnya macam bila guru mengajar ada satu bahagian itu Puan Zaini tidak faham adakah Puan Zaini balik ulangkaji atau bertanya pada guru?**

**PZ :** Masa sekolah dulu kami *discuss* [bincang] sebab *duduk* [tinggal] asrama kan, tapi masa universiti dulu saya suka buat *appointment* [temu janji], saya letak kertas di pintu bilik *lecturer* [pensyarah] dan tanya *lecturer* [pensyarah] terus.

**MN : Kiranya dalam kelas itu memang fokus lah dalam satu-satu subjek itu.**

PZ : Alhamdulillah, saya boleh fokus.

**MN : Macam dari segi pengurusan jadual waktu, berapa jam digunakan untuk belajar, berapa jam digunakan untuk rehat atau aktiviti luar?**

PZ : Sebenarnya saya tidak ada jadual khas, saya memang jenis yang tidak suka belajar *straight* [terus], menghafal sahaja saya tidak suka. Sebab itu saya fokus masa belajar sahaja, masa itu masa yang amat penting bagi saya kalau ada gangguan ke memang tidak boleh fokus. Sebab saya nak kena bahagi waktu dengan hobi saya, saya suka bersukan, berkawan, bersosial, sebab masa kita berkawan, masa itu jugak boleh kongsi masa pembelajaran, boleh pergi *library* [perpustakaan]. Sebab masa itu rujukan tidak banyak, internet tiada lagi jadi *library* [perpustakaan] dengan kawan-kawan sahaja. Sebab itu kursus saya ini tidak ramai melayu, saya ini ada *sepuluh* [10] orang sahaja melayu. Jadi, kadang-kadang saya --- sebab saya latarbelakang *sekolah campur* [pindah sekolah], jadi tidak kekok bergaul dengan *diorang* [mereka], jadi masa saya di kampus itu kalau saya tidak faham saya tanya sahaja tidak kira Melayu, Cina, India, Alhamdulillah *diorang* [mereka] banyak membantu, tidak lokek.

**MN : Sepanjang pembelajaran itu, sumber kewangan itu diperoleh dari mana?**

PZ : Saya dapat biasiswa dari *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam].

**MN : Selain *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] ada yang lain? *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] saja?**

**PZ : Abang-abang, sebelum dapat *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] itu abang-abang tolong.**

**MN : Selesai bahagian latar belakang pendidikan, boleh beralih ke latar belakang pekerjaan boleh?**

**PZ : Boleh insyallah.**

TAMAT BAHAGIAN 2



### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN TOKOH**

**MN : Sebelum datang bekerja di bahagian rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini ada dapat tawaran lain dari mana-mana syarikat?**

**PZ :** Ada, tapi sebenarnya saya dapat tawaran bekerja di sini terdahulu daripada tawaran lain, sebab saya dapat tawaran daripada sini sebelum saya *grad* [graduasi] lagi, jadi bila saya lepas *grad* [graduasi] itu ada tawaran lain itu saya tolak sebab saya tunggu yang ini untuk datang ke *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia].

**MN : Sebelum dapat tawaran masa belajar, ada buat kerja sampingan untuk menampung kewangan?**

**PZ :** Saya masa belajar ada sebenarnya bukan untuk menampung kewangan tapi kerana minat, sebab saya masa belajar, pensyarah saya ambil saya sebagai tutor pada junior ataupun mana-mana *student* [pelajar] yang tidak faham dalam penggunaan komputer atau subjek komputer, ada sikit dapat *income* [pendapatan] itu tapi tidak membantu *cover* [menampung] perbelanjaan, tapi itu tidak penting sebab saya minat terhadap pekerjaan yang saya dapat itu sebab dengan cara itupun saya dapat tinggikan saya punya kemahiran.

**MN : Sebelum dapat jawatan Bahagian Pengurusan Rekod, ada tidak *target* [matlamat] pekerjaan lain untuk dapat sebelum dapat pekerjaan rekod ini?**

**PZ :** Memang kalau dah komputer sains memang harapan untuk jadi *system*

*analyst* [penganalisa sistem] dan tawaran-tawaran lain yang saya dapat itu untuk jawatan *system analyst* [penganalisa sistem] kalau dulu kita panggil juru analisa tapi sekarang kita panggil pegawai sistem maklumat, memang itu bidang kami kalau keluar dari university. Oleh kerana saya dapat tawaran ini terlebih dahulu saya terima sahaja, sebabnya nombor --- iaitu bekerja di halaman sendiri, yang ke dua ini tempat baru buka jadi kita ada potensi untuk terapkan profesion perkomputeran ini. Maknanya kita nak uruskan maklumat menggunakan computer, itu matlamat asal saya.

**MN : Sepanjang bekerja, etika kerja yang Puan Zaini selalu patuh dalam diri.**

PZ : Dalam diri saya?

**MN : Contohnya fokus dalam kerja.**

PZ : Dalam pekerjaan kalau kita buat bersungguh-sungguh dan kerja keras.

**MN : Sepanjang bekerja ada tidak satu tugas itu yang susah untuk selesaikan?**

PZ : Pertama sekali dalam *EMR* [Electronic Medical Record] sekarang ini kita cuba bagi sasaran yang perlu untuk siapkan projek ini tapi banyak kekangan yang kita hadapi, jadi memang susah untuk diselesaikan.

**MN : Ada dapat kan bantuan dari rakan sekerja yang lain atau memang bekerja dalam kumpulan?**

PZ : *EMR* [Electronic Medical Record] ini bukan kerja untuk seorang , kita

perlu ada komitmen daripada unit rekod, pihak pengurusan, dari doktor unit-unit sokongan dan juga bahagian *IT* [Information Technology], jadi kita kena bergabung untuk menyiapkan projek ini sebab bidang ini memang luas untuk siapkan satu modul itu perlukan pengkhususan , dia untuk *surgical base* [pembedahan], banyak juga pakar yang terlibat juga pengkhususan-pengkhususan lain yang terlibat , profesion lain seperti bahagian-bahagian sokongan seperti radiologi, farmasi dan lab semua diambil kira, itu yang melambatkan proses ini.

**MN : Itu, serba sedikit tentang pengalaman pekerjaan Puan Zaini. Boleh kita pergi tentang serba sedikit latar belakang unit rekod?**

**PZ : Boleh, insyallah.**

TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: LATAR BELAKANG UNIT REKOD

**MN : Boleh ceritakan sedikit tentang unit rekod?**

PZ : Kalau tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] hingga tahun saya mula bekerja tidak ramai staff , bidang pengurusan rekod masa itu sama sahaja , mungkin dari segi pesakitnya masih kurang tapi sekarang semakin bertambah. Apa yang membezakan dulu dan sekarang ia dari segi teknologi, kalau mengikut sejarah, unit rekod ini ditubuhkan pada tahun Oktober *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] dengan *dua* [2] orang pegawai rekod dan mereka berdua ini dilatih di Australia untuk *second degree* [ijazah kedua] dalam khusus rekod perubatan, pada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] seorang dari mereka telah kembali dan seorang lagi pada tahun *sembilan belas lapan puluh tujuh* [1987]. Salah seorang dari mereka yang balik awal ke sini hanya dapat menamatkan diploma tidak sempat untuk menyambung degree kerana masa itu kita sangat memerlukan seorang pegawai untuk *setup* [susun] rekod disini dan tinggal seorang lagi disana untuk menamatkan degree. Saya masuk tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985]. Masa itu semuanya baru, dulu kalau pendaftaran secara manual kita guna riso yang digelek dengan *ink* [dakwat] kita taip dengan *typewriter* [mesin taip] dengan *punch* [tebuk] dan kita gelek diatas setiap helaian kertas. Maknanya seorang pesakit ini rekod mereka. Bentuknya sama macam sekarang kerana kita ambil konsep daripada Australia Centralize Record, Terminal Digit Filing dan Color Coding. Itu asas yang kita ada sebelum kita *setup* [susun] rekod disini. Kaedah itu diguna pakai sehingga sekarang. Dahulu kita guna kad yang dipanggil Patient Index Card jadi kad ini kita susun dalam Card Desk, jadi

bila pesakit datang kita cari kad dan guna kad pengenalan untuk dapatkan *registration number* [nombor pendaftaran]. Saya masuk pada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] masa itu sudah ada *lima puluh ribu* [50,000] kes dan pesakit yang te didaftarkan disini. Jadi saya masa itu masih *excited* [teruja] lagi, jadi pada masa itu disini komputer pertama ada, dalam tiga unit desktop. Saitu saya gunakan untuk *programming* [pengaturcaraan], satu di *patient department* [bahagian pesakit] dan satu lagi kita letak di *A&D* [And Medical]. Masa itu *first local area network* [rangkaian kawasan tempatan pertama], jadi masa itu saya *apply* [mohon] apa yang saya sudah belajar. *First programming* [Pengaturcaraan pertama] ada untuk membina *Database Patient Master Index* [Pengkalan Data Utama Indeks Pesakit], *database* [pengkalan data] itu masih digunakan sehingga kini dan sentiasa ditambah baik. *PMI* [Patient Master Index] memang penting untuk satu orgainisasi.

**MN : Bermaksud, *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini adalah cawangan yang pertama untuk bahagian pengurusan rekod kan, penubuhan unit rekod ini serentak dengan *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] kan.**

**PZ : Betul. Unit rekod ini serentak dengan hospital sebab tanpa unit rekod tak boleh wujud hospital sebab setiap *patient* [pesakit] ni kena *register* [daftar] kan, *so* [jadi] naiknya bersama.**

**MN : Pemantauan dari segi pengurusan rekod dilakukan disini atau ada tempat lain yang buat pemantauan rekod ini?**

**PZ : Kita buat sendiri sebab *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini**

tidak ada cawangan lain seperti hospital--, satu ini sahaja.

**MN : *Macam* [seperti] untuk bahagian audit untuk pengurusan rekod ini kan dilaksanakan, memang selalu dilaksanakan.**

**PZ :** Kalau audit dalaman maknanya kita ada juru-juru audit yang dilatih diperingkat hospital lah. Ada beberapa juru audit diperingkat, ikut berjadual datang membuat audit. Kemudian, kita ada audit *SIRIM* [Standards and Industrial Research Institute of Malaysia] yang melibatkan keseluruhan hospital dan unit rekod ni adalah salah satu daripada unit yang di audit lah.

**MN : Dalam pengurusan rekod hospital di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini ada kerjasama dengan mana-mana bahagian lain, syarikat lain atau hospital-hospital lain untuk pengurusan rekod ini untuk dapatkan rekod yang *tak* [tidak] ada disini *macam* [seperti] satu-satu rekod penyakit yang *tak* [tidak] ada disini tetapi ada rujukan daripada luar.**

**PZ :** Dia sebenarnya konsep peraturan dimana-mana hospital orang yang menguruskan rekod pesakit, kita tidak boleh bawa rekod sebarangan, *tak* [tidak] boleh pindah rekod sebarangan daripada hospital ke hospital, tambah-tambah lagi rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini. *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] tidak ada cawangan dekat tempat lain, mungkin kalau *KKM* [Kementerian Kesihatan Malaysia] dia ada, dia ada satu kementerian tapi *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini bawah kementerian lain kan, jadi kalau kita

tidak ada rekod pesakit untuk rujukan kita, kita akan mohon laporan perubatan bukannya kita mohon fail pesakit. Jadi sebenarnya kalau pesakit itu dirawat disini kita hanya keluarkan maklumat kita kecuali atas keperluan lain untuk *research* [kajian]. Itu diluar bidang pihak unit rekod lah. *Research Researcher* [Pengkaji Kajian] daripada *school* [sekolah] daripada pusat pengajian sains perubatan, pergigian ataupun kesihatan kalau mereka nak kan maklumat mereka kena buat sendiri lah sebab itu diluar bidang kuasa kita sebab untuk *research* [kajian] mereka ada etika perubatan sendiri *in school* [dalam sekolah] pusat pengajian sendiri.

**MN : Rekod yang diuruskan di unit rekod ini adakah merangkumi semua rekod yang ada di HUSM atau sekadar rekod pesakit sahaja dari segi rekod kewangan, pembayaran untuk pihak pesakit atau semua sekali dengan rekod-rekod kewangan yang terlibat dengan bahagian HUSM ini.**

PZ : Kita urus rekod pesakit sahaja.

**MN : Bahagian yang menguruskan rekod-rekod lain hanya bahagian lain?**

PZ : Bahagian lain, masing masing sebab nama lagi rekod perubatan, rekod yang berkait dengan pesakit sahaja.

**MN : Perasmian unit rekod ini pada tahun berapa?**

PZ : Bulan *sepuluh* [10] tahun *Sembilan belas lapan puluh tiga* [1983]. Tapi saya tidak ingat tarikh lah.

**MN : Okay selesai bahagian bidang mengenai serba sedikit tentang bidang  
pengurusan rekod di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia].**

TAMAT BAHAGIAN 4



## **BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN TOKOH DALAM PENGURUSAN REKOD HUSM**

**MN : Boleh tahu serba sedikit penglibatan Puan Zaini semasa Pengurusan Rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini. Contoh sebelum menceburi atau bila mula menceburi dan menglibatkan diri dalam bidang pengurusan rekod ini, tarikh bermulanya pekerjaan ini. Ingat tarikh bermula bekerja.**

**PZ : Saya mula-mula bekerja mesti ingat *satu haribulan enam tahun Sembilan belas lapan puluh lima* [1.6.1985].**

**MN : *Dua* [2] tahun selepas pembukaan *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia]. Sebelum Puan Zaini memegang jawatan ini, siapakah yang memegang jawatan sebelum Puan Zaini memegang jawatan ini?**

**PZ : Tak ada. Sebab saya terus diserapkan.**

**MN : Mula-mula masuk disini jawatan yang disandang adalah jawatan ini lah.**

**PZ : Pegawai Rekod Perubatan.**

**MN : Sebelum itu, memang tiada pegawai lain lah yang pegang jawatan itu.**

**PZ : Ada *tiga* [3] orang lah. *Dua* [2] yang sudah di hantar untuk latihan termasuk saya, jawatan Pegawai Rekod Perubatan**

**MN : Fokus, sekarang ini berapa jumlah kakitangan yang ada?**

PZ : *Enam puluh tujuh* [67] orang.

**MN : Semua *tu* [itu] dari pelbagai profesion lah.**

PZ : Pelbagai lapisan gred.

**MN : Sekarang ini kelulusan minimum yang adalah yang *start* [bermula] bekerja sekarang ini kelulusan minimum yang ada dekat sini?**

PZ : Kalau yang paling minimum kita panggil pembantu operasi. Kelayakkan itu saya rasa kelayakkan *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] lah, saya rasa *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] kalau saya tidak silap.

**MN : *JPA* [Jabatan Perkhidmatan Awam] dan *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] lah.**

PZ : Pembantu operasi.

**MN : Pemilihan pekerja adakah ia bergantung dari segi kelulusan daripada *IPT* [Institusi Pengajian Tinggi]. Adakah fokus pada kos yang mereka ambil atau kos lain untuk melaksanakan bahagian rekod?**

PZ : Sekarang ini tak sama macam di awal dulu lah. Kalau dulu perlu ada kelulusan dalam bidang rekod perubatan tapi sejak tahun--, saya tak ingatlah tahun bila memang rekod perubatan ini dah di *macam* [seperti] seolah dijengukkan lah dan dah di samakan gred-gred pentadbir yang lain.

Jadi sekarang ini yang ada di unit rekod sekarang ini yang tidak ada kelulusan rekod perubatan asal ada dalam gred N boleh masuk ke sini.

**MN : Pemilihan skop untuk serapan pekerja ini bergantung pada gred lah dan kelulusan. Fokus pemilihan pekerja itu adakah dari segi pekerja itu yang tinggal dalam negeri ini ataupun dari luar negeri pun ada ambil ke?**

PZ : Pengambilan staff dibuat oleh bukan unit rekod sendiri, pihak universiti lah. Tak kisahlah daripada mana pun sebab pengambilan memang sangat sikit.

**MN : Harapan Puan Zaini dalam merancang untuk penambahbaikan kembali unit rekod ini.**

PZ : Kalau dari segi operasi saya amat mengharapkan kita ubah daripada elektronik berubah kepada elektronik sebab memang keperluan ruang, keperluan masa, keperluan kakitangan memang ditahap kritikal sekarang. Sebab bilangan pesakit semakin bertambah, bilangan fail yang perlu diurus semakin bertambah, bilangan ruang yang kita perlu letakkan untuk penyimpanan fail-fail pun perlu kita perluaskan. Jadi kemampuan dari segi --- untuk hadapi semua ini sukar. Jadi harapan saya memang terhadap *EMR* [Electronic Management Record] dan satu lagi harapan saya yang pihak pengurusan yang tak berapa nak nampak sekarang ini perlu ada bidang pengurusan dalam unit rekod ini dalam bidang rekod perubatan diserapkan menjadi pengurus-pengurus disini bukan daripada kategori pentadbiran awam. Itu harapan saya sebab bidang pengurusan

rekod pengurusan yang bidang yang beza, berbeza daripada bidang pentadbiran awam.

**MN : Bahagian HUSM [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini ada tak buat pendigitalan rekod ada buat tak?**

PZ : Ada. Sejak tahun *dua ribu satu* [2001] lagi. Kita panggil *Electronic Medical Archive* (EMA).

**MN : Kalau rekod dah didigitalkan, adakah yang dari segi *hardcopy* [salinan asal] itu masih disimpan lagi untuk beberapa tahun tempoh jangka masa.**

PZ : Ada setengah itu memang mengikut apa ni -- penjadualan jadual pelupusan ada yang dah kita lupus mengikut jadual ada yang belum dilupuskan lagilah. Tapi harapan kami kalau kita dah apa ni -- dah *scan* [imbas] masuk dalam sebagai digital itu, harapan kami sepatutnya boleh lupuslah walaupun belum tamat tempoh pelupusan fizikal rekod itu kan. Sekarang ini kita buat dalam *sepuluh* [10] tahun, *sepuluh* [10] tahun tarikh akhir pesakit datang ke hospital.

**MN : Dari segi pelupusan rekod yang lebih daripada *sepuluh* [10] tahun, pelupusan itu dilaksanakan sendiri oleh HUSM [Hospital Universiti Sains Malaysia] atau dilaksanakan oleh arkib?**

PZ : Kita ikut peraturan Akta Arkib Negara, kita buat permohonan, kita dapat kelulusan dan kita buat permohonan dengan MPKB [Majlis Perbandaran Kota Bharu]. Kemudian ada prosedur-prosedur tertentu yang kita kena

patuhilah. Semuanya mengikut peraturan Akta Arkib Negara. Ada syarikat yang digazetkan yang diiktirafkan oleh Arkib Negara untuk pelupusan.

**MN : Pelupusan rekod ini dilakukan oleh satu syarikat yang diiktiraf oleh bahagian arkib. Adakah proses pemuliharaan rekod dilaksanakan? Proses pemuliharaan rekod-rekod yang rosak yang dikatakan penting dibaik pulih.**

PZ : Ada, memang ada. Itu salah satu bidang kami lah, mana-mana rekod yang rosak kami baikpulihlah.

**MN : Ada rekod yang disimpan, maknanya setelah sampai jangka hayat *sepuluh* [10] tahun tapi masih disambung lagi proses penyimpanannya sebab dari segi maklumat yang ada dalam itu penting?**

PZ : Ya, ada. Ada kriteria-kriteria yang kami tetapkan tak semestinya *sepuluh* [10] tahun *Sepuluh* [10] tahun itu garis panduan untuk rekod-rekod umum yang maksudnya rekod umum perubatan. Tarikh akhir mereka dapatkan rawatan tapi selain daripada itu, ada rekod-rekod yang melebihi daripada *sepuluh* [10] tahun itu mungkin dari segi kes-kes psikiatri itu mengikut akta mental, kes-kes apa ini yang itu kita kena simpan *tiga* [3] tahun selepas dia mati, kemudian rekod-rekod kelahiran dan selebihnya ada rekod-rekod kes-kes yang difikirkan sesuai dengan sebagai hospital universiti pada pembelajaran dan ada beberapa kes yang dituntut oleh pihak-pihak pusat pengajian untuk di simpan. Contohnya, kes-kes kanser dan beberapa kes inilah adalah yang ada dalam garis panduan.

**MN : Serba sedikit tentang penglibatan program ini dalam pengurusan rekod di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia]. Boleh diteruskan lagi untuk bahagian pencapaian, penganugerahan dan semua ini.**

TAMAT BAHAGIAN 5

## **BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN, PENGLIBATAN DAN PENGANUGERAHAN**

**MN : Adakah bahagian rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini terlibat dengan aktiviti luar sama ada pencapaian tertinggi atau program-program bersama kerajaan?**

**PZ :** Unit rekod sendiri kita, dulu kita banyak terlibat dengan *KIK* [Kreatif Inovatif Konvensyen] dan pencapaian pihak kami agak memberangsangkan lah, wakil negara pun ada, baik di peringkat wakil negeri dan jabatan memang banyaklah saya tak ingat lama sudah wakil negara lah tapi sekarang kita sudah *slowdown* [kurangkan] dekat peringkat *KIK* [Kreatif Inovatif Konvensyen] untuk kes, kita lebih tumpukan kepada perkhidmatan.

**MN : Sepanjang bekerja di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ada tak anugerah yang diberikan kepada Puan Zaini diatas pencapaian pengurusan?**

**PZ :** Saya dua kali mendapat *ATC* [Anugerah Tertinggi Cemerlang] anugerah cemerlang dan perkhidmatan cemerlang dan saya juga dapat anugerah daripada Sultan tahun dua ribu tiga belas [2013] *PSK* [Perkara Setia dipertuan Kelantan].

**MN : Anugerah ini diberikan atas segi pencapaian ataupun kualiti bekerja?**

**PZ :** Alhamdulillah saya rasalah kerana pencapaian penglibatan kita lah mungkin itu yang *appreciation* [penghargaan] daripada pihak majikan dan juga pihak kerajaan.

**MN : Aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan oleh bahagian rekod ada tak?**

PZ : Kita ada juga tapi tidak banyak. Kita kalau dari segi dengan masyarakat kita terlibat secara macam petugas juga. Kita pergi ke khidmat masyarakat. Biasa dulu banyak setiap minggu kita ada diluar untuk khidmat masyarakat berjumpa dengan pesakit. Doctor yang bagi rawatan cuma kita bantu dari segi sambung daftar pesakit dan sediakan minuman untuk doktor. Selain daripada itu, kita ada juga buat sumbangan dari segi amal jariah. Kita ada buat jualan sampul raya keuntungan itu kita dermakan kepada rumah anak-anak yatim dan juga rumah-rumah ibadat.

**MN : Selain dari segi aktiviti kemasyarakatan ada tak program-program khas yang sentiasa dilaksanakan setiap tahun bahagian rekod ini?**

PZ : Bahagian rekod kita, kita cuba untuk eratkan *silaturahmi* [hubungan] antara staff kita. Kita buat hari keluarga tiap-tiap tahun kita adalah jamu-jamuan, aktiviti kesukanan sukan, aktiviti ceramah dalaman, tazkirah, solat Jemaah antara staff. Ini untuk ada *silaturahmi* [hubungan] antara *staff* [kakitangan].

**MN : Baik, hari itu Kelantan dilanda banjir. Ada tak aktiviti yang dilakukan tiada dalam perancangan tetapi dilakukan secara mengejut untuk membantu mangsa-mangsa banjir?**

PZ : *Staff* [kakitangan] kita pun ramai yang terlibat, jadi kita cuba bantu *staff* [kakitangan] yang terkesan banjir. Ada *staff* [kakitangan] yang pergi



mencuci rumah *staff* [kakitangan]. Memang ada *staff* [kakitangan] yang terkesan teruk rumah mereka, kseseluruhanya telah kita bantu. Itu dari segi impak dan kita ada juga bagi sumbangan dari segi kewangan, kita juga ada bagi kutipan daripada staff dan juga tabung rekod. Kita bagi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir. Ramai jugak yang terkesan

**MN : Itu serba sedikit tentang pencapaian, penganugerahan dan sumbangan diberikanlah oleh HUSM. Boleh kita teruskan lagi untuk bahagian akhir.**

TAMAT BAHAGIAN 6

## **BAHAGIAN 7: PENDAPAT, PANDANGAN DAN NASIHAT DARIPADA**

### **TOKOH**

**MN : Apakah pendapat dan pandangan Puan Zaini kalau seorang pelajar atau pekerja dalam menjalankan suatu pekerjaan tugas yang diberi.**

**PZ :** Inilah yang saya selalu cakap kena ada tanggungjawab sebab bila kita minta kerja maknanya kita hendak bekerja, *so* [jadi] bila diberi tanggungjawab buatlah kerja. Amanah yang telah diberikan kepada kita. Sebab setiap pekerja, setiap staff yang dilantik, yang melaporkan diri disini kata akan bagi jadual tugas. Ikutlah tugas itu. Sebab kita pihak pengurusan disini memang kita telah tengokkan skop-skop kerja yang perlu dilakukan supaya selari dengan perkhidmatan unit kita bukan saja-saja. Bahagilah dengan *enam puluh tujuh* [67] orang dengan beberapa bidang tugas yang mereka ditempatkan, kita ada tugas-tugas masing-masing.

**MN : Sepanjang bekerja dibahagian rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia], adakah Puan Zaini berpuas hati dengan pekerjaan dengan tugas-tugas yang diberi?**

**PZ :** Memang tidak puas sebenarnya. Kita rasa kita nak buat lagi ikut kemampuan kitalah tetapi kita tidak mampu. Mungkin kuderat kita, mungkin kerana ada kekangan-kekangan lain yang menghalang kemampuan kita, kehendak kitalah. Memang kalau dari segi puas itu memang tidak puas lagi. Rasa banyak lagi benda, banyak lagi perkara yang saya rancang rasa belum lagi tercapai. Kalau yang sudah tercapai

pun saya berharap dapat lebih lagi pencapaian itu.

**MN : Apakah kata-kata hikmah atau ayat yang dipegang dalam prinsip hidup Puan Zaini?**

PZ : Sesuai dengan unit rekod, mungkin saya ditakdirkan untuk bekerja disini memang prinsip saya memang diterapkan oleh mak ayah pun kita perlu amanah. Amanah melakukan apa sahaja tugas yang diberikan sebab kalau nak ikut atau tidak suka, kita tidak boleh terap, sebab mungkin kita tidak suka mungkin itulah yang terbaik untuk kita. Memang semua orang tidak akan dapat kehendak dia sendiri sebab kita tidak tahu apa sebenarnya yang terbaik untuk kita.

**MN : Katakanlah dalam satu masa, ada *dua dan tiga* [2 & 3] tugas yang diberikan secara serentak. Adakah Puan Zaini akan fokus salah satu ataupun satu perkara yang dibuat tetapi tidak disiapkan kerana ada sedikit masalah, tugas lain disambungkan selepas itu ataupun pastikan satu tugas itu siap baru fokus pada tugas yang lain?**

PZ : Kita kena *set priority* [tetap keutamaan]. Kita kena kenal pasti dulu tugas kena tahu yang mana lebih *priority* [keutamaan] kita panggil beri keutamaan. Kalau kita ada *tiga* [3] sekali, dalam *tiga* [3] itu mana lebih penting yang lebih utama. Kita cuba selesai peringkat-peringkat. Bukan kita selesai *satu* [1] habis *satu* [1] baru pergi yang kedua, bukan. Kita mungkin *start* [bermula] serentak cumanya kita tumpuan itu bagi kepada yang lebih *priority* [keutamaan] untuk disiapkan.

**MN : Ada serba sedikit pesanan untuk diberikan kepada-kepada pekerja dalam melaksanakan tugas dibahagian rekod ini?**

PZ : Yang penting sekali integriti, sebab integriti ini ia merangkumi semua, semualah amanahnya, bertanggungjawab, segalanya. Kalau tidak ada integriti memang sukar untuk bekerja disini. Sebab kita diberi amanah menjaga kerahsian hospital. Semua maklumat ada disini. Tiada integriti susah sedikit.

**MN : Adakah Puan Zaini galakkan pelajar-pelajar diluar sana menceburi bidang-bidang rekod ini atau fokus kepada bahagian rekod ini?**

PZ : Memang kalau nak bekerja dengan rekod kena ada pengurusan rekod sebab bagi saya pengurusan rekod ini satu profession sama penting dengan profession-profession yang lain. Ini bukan pengurusan umum seperti mentadbir kewangan, mentadbir *general administration* [pentadbiran umum], tidak. Sebab pengurusan rekod satu pengurusan yang khusus. Kalau kita tidak dapat kawal, menguruskan rekod dengan sempurna, saya rasa *satu* [1] institusi itu maju.

**MN : Apakah nasihat dan pesanan Paun Zaini kepada graduan-graduan diluar sana mencari pekerjaan sekarang ini dan dalam memilih pekerjaan, terima pekerjaan yang akan dapat?**

PZ : Ia sebenarnya ada *dua* [2], atas prinsip pelajar itu sendiri, graduan itu sendiri. Ia kadang-kadang graduan ini dia nak kerja atas desakkan *company* [syarikat]. Yang kedua dia nak bekerja kerana profession yang dia minat ataupun profession yang dia nak ceburi. Kalau dari segi

ekonomi memanglah bidang apa pun kita cuba ceburilah kalau itu yang dia pegang. Ceburilah bidang apa-apa pun tetapi macam saya katakan tadi kalau kita buat kerja, kalau kita minta kerja buat kerjalah dan kita akan Berjaya dimana-mana sahaja kalau kita berusaha, kita fokus dengan apa yang kita kerja yang kita dapat. Tidak kira kerja apapun sebab mungkin bidang macam saya bidang saya berbeza dengan perkomputeran. Saya masuk bidang rekod tetapi saya cuba sesuaikan bidang saya, dengan ilmu saya ada dengan bidang pengurusan rekod. Macam mana saya nak uruskan rekod supaya lebih senang untuk diuruskan dengan ilmu yang saya ada dalam perkomputeran. Sama juga kalau bidang pengurusan *business* [perniagaan], dia ada kaedah-kaedah untuk memajukan *business* [perniagaan]. Cuba aplikasikan samakan ditempat kerja kalau kerja disini diunit rekod. Macam mana nak majukan pengurusan rekod ini dengan bidang *business* [perniagaan] tadi mungkin ada.

**MN : Katakan pekerja yang *fresh* [baru] masuk untuk bahagian pengurusan rekod ini, ada tak latihan-latihan atau program-program yang diberikan kepada kakitangan?**

PZ : Tentu sekalilah. Kita ada banyak bidang dalam rekod perubatan jadi kita ada latihan-latihan khususlah mengikut skop tugas mereka kalau mereka dibahagian kod penyakit pembedahan kita akan bagi latihan, kalau di bahagian *posiding* [tindakan] kita bagi selebihnya. Bidang perubatan kita ada bidang makmal perubatan, pengurusan makmal perubatan.

**MN : Bahagian Pengurusan Rekod *HUSM* [Hospital Universiti Sains**

**Malaysia] ini adakah ia seratus peratus [100%] penggunaan kepada sistem ataupun masih bercampur secara manual dengan sistem untuk pencarian rekod. Pencarian dan penyimpanannya.**

PZ : Cari kena dualah. Kita ada *file tracking* [pencarian fail] tapi yang pergi cari oranglah bukan robotlah [haha]. Jadi memang yang untuk membantu kita mencari fail itu adalah kita menggunakan sistem. Sistem dipanggil *file tracking system* [sistem pencarian fail] yang itu kita bina sendiri. Yang membuat sistem ini sebab kami tiga [3] orang daripada pegawai-pegawai kami dalam bidang *information science* [sains maklumat]. Akhirnya ini sahaja selepas saya kena tukar tahun bila itu, ia telah bertukar bidang mana pun boleh masuk sini. Diperingkat awal dahulu kita ambil bahagian pengurusan statistik, *computer science* [sains komputer] dan orang yang ada biologi untuk unit rekod tetapi selepas daripada itu semua sistem yang kita buat *in house* [dalaman] ini ialah daripada kami. Saya dan dua orang lagi *graduates* [graduan].

MN : **Sistem yang digunakan dibahagian rekod HUSM [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini, ada tak digunakan di hospital-hospital lain yang macam [seperti] menggunakan sistem ini untuk pengurusan rekod mereka di hospital lain menggunakan sistem?**

PZ : Mereka biasa belikan. Kami buat sendirilah. Tujuan kami buat sendiri supaya ia disesuaikan dengan cara kerja kita sebab komputer ini membantu sahaja, ia alat sahaja. Kalau kita ada sistem kerja yang sudah bagus manual, jadi kita tukarkan yang manual kepada komputer. Benda itu sama dulu kalau kita tulis sekarang kita taip. Tapi kaedahnya *SOP*

[Standard Operating Procedure] sama. Mula-mula kena daftar, kena itu ini, semua sama cuma yang membantu adalah komputer.

**MN : Soalan terakhirlah, apakah nasihat Puan Zaini kepada pelajar-pelajar diluar sana untuk minat mengurus rekod kerajaan untuk bagi dorongan kepada mereka fokus dalam pembelajaran mereka sebab sekarang ini sekadar belajar untuk kelulusan bukan untuk menimba ilmu.**

PZ : Betul. Saya sambung belajar sekarang. Tahu umur saya? -- Saya dah lebih *lima puluh* [50] tahun dah tapi saya masih juga sambung buat *post graduation* [tamat pengajian]. Saya sebenarnya kenapa saya sambung. Satu sebab kita, bila kita ada dalam bidang yang ini, saya dalam bidang rekod jadi bila saya masuk dalam bidang ini saya nampak banyak peluang-peluang untuk kita majukan diri kita dan disamping itu kita nak majukan perkhidmatan institusi kita. Jadi saya ambil dalam buat *research* [kajian], saya sambung belajar dalam *research* [kajian] sebab apa, hasil dari kajian ini saya nak majukan institusi ini. Jadi sebenarnya, kalau yang muda-muda ini memang sesuailah kita sambung belajar, satu untuk majukan diri kita sebab bila kita sudah puas hati dengan apa yang kita ada sekarang ini, saya rasa tidak membina sangat. Kalau institusi kita kalau distatus begini ia akan sentiasa *hold* [memegang], kita tidak akan ada keinginan untuk belajar untuk memajukan diri sendiri sebab bila kita majukan diri sendiri dengan secara tidak langsung kita majukan institusi kita, majukan perkhidmatan kita, tambah baik nilai perkhidmatan kita. Sebab bila kita belajar kita tahu ilmu baru kita cuba terapkan dalam kerja

kita tapi kalau belum kerja kita tambah nilai diri kita kalau kita sambung belajar. Saya ada *dua* [2], kalau saya sambung belajar, *satu* [1] untuk diri saya dan tempat saya kerja, institusi saya yang kedua untuk anak-anak saya. Saya bagi macam semangatlah. Kenapa mama boleh buat dia tak boleh buat. Semangat itu ada dalam diri anak-anak.

**MN : Satu lagi soalan saya, katakanlah Puan Zaini bersara dalam bahagian pengurusan rekod ini, ada tak perancangan untuk membuat pekerjaan lain sampingan, macam buat pendidikan untuk siapa-siapa yang *fresh* [baru] ini untuk tentang kursus-kursus rekod macam menurunkan ilmu kepada mereka.**

**PZ :** InsyaAllah kalau siapa yang nak ilmu daripada saya, saya tidak ada keberatan untuk bagi. Bukanlah saya untuk dapatkan tambahan kewangan, tapi kalau nak *share* [kongsi] ilmu boleh.

**MN : Rasanya itu sahaja untuk temubual kali ini. Harap Puan Zaini berasa *okay* [selesa] sebab kami *interview* [temubual] ini untuk rujukan kepada pelajar pada semester akan datang, kalau ada salah silap daripada kami, kami mohon maaf dan kekurangan itu dating daripada kami yang baik itu dating daripada Allah. Itu sahaja, dengan ini berakhirlah sesi temubual saya dengan Puan Zaini. Ada kata-kata akhir daripada Puan Zaini?**

**PZ :** Saya pun ingin mengucapkan terima kasih sudi temubual saya. Saya tidak ada apa-apa sebenarnya tapi saya atas dasar untuk bantu anak-anak dan ilmu yang saya ada ini pun saya nak bawa kemana kepada anak-anak ini



semualah untuk sebagai bekal untuk majukan mana-mana institusi yang diceburi nanti. Saya tak boleh bawa ilmu yang saya ada ini kesana jadi saya kena tinggal juga. Alhamdulillah juga untuk berkongsi ilmu dengan saya.

**MN : Terima kasih. Assalamualaikum.**

**PZ : Waalaikumusalam.**

#### TAMAT BAHAGIAN 7

#### Rujukan

Puan Zaini binti Mohd Noor, personal communication, May 28<sup>th</sup>, 2015.

# LAMPIRAN

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Muhammad Naim menemubual Puan Zaini binti Mohd Noor, yang dilahirkan di Kuala Krai, Kelantan. Temubual dijalankan di pejabat beliau di Unit Rekod Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0.00	Nama serta asal usul	
1.00	Tentang Keluarga	
1.30	Pembelajaran Anak	
5.10	Puan Zaini menceritakan tentang hobinya di waktu lapang	
7.00	Menceritakan tentang keluarga serta adik-beradik beliau	
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
12.19	Sekolah rendah, menengah serta university.	Sekolah Sultan Yahya Putra Sekolah Menengah Zainab Universiti Sains Malaysia (USM)
15.00	Pengalaman belajar	
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA</b>		

18.10	Pengalaman waktu mula-mula bekerja di HUSM	
30.00	Serba sedikit tentang tugas pengurusan rekod di HUSM	
<b>BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN DALAM PENGURUSAN REKOD DI HUSM</b>		
33.57	Tarikh bermulanya karier serta jawatan yang mula-mula di jawat.	HUSM
35.30	Penerangan tentang pekerja di unit rekod	Unit Rekod HUSM
40.09	Pengurusan serta aktiviti unit rekod HUSM	Unit Rekod HUSM
<b>BAHAGIAN 5: NASIHAT SERTA PANDANGAN</b>		
49.00	Nasihat kepada pelajar-pelajar sekarang dalam memilih kerjaya	
60.05	Perbualan ditamatkan	

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12:09 PM	19 MEI 2015	<p><u>Menghubungi tokoh yang ingin ditemubual</u></p> <p>Memandangkan kami pernah berhubung dengan tokoh ,ia memudahkan kami berhubung dengan beliau</p>	<p>Menelefon tokoh yang ingin ditemubual dan mendapatkan tarikh sesuai untuk sesi temubual</p>
2:30 PM	20 MEI 2015	<p><u>Menghantar faks kepada tokoh</u></p> <p>Faks surat projek serta soalan yang ingin ditanya.</p>	<p>Faks surat projek serta soalan kepada pejabat tokoh di HUSM</p>
3:30 PM	28 MEI 2015	<p><u>Temubual</u></p> <p>Proses temubual bersama Puan Zaini yang berlangsung selama 1 jam</p>	<p>Proses temubual yang berlangsung selama 1 jam 5 minit</p>

# **SENARAI SOALAN**



## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI TOKOH

- Boleh berikan nama penuh dengan asal usul Puan Zaini?
- Pembelajaran anak-anak?
- Apakah usaha yang dilakukan untuk masa depan anak, macam dari segi kewangan ke dari mana kewangan untuk pendidikan yang diberikan untuk anak-anak?
- Dorongan dan galakkan yang diberikan kepada anak-anak dalam meneruskan pembelajaran?
- Pada waktu hujung minggu ataupun waktu-waktu cuti biasa aktiviti Puan Zaini dirumah?
- Dari segi pertandingan atau sukan yang pernah disertai samada sukan yang dijalankan oleh HUSM atau sebelum Puan Zaini memegang jawatan di HUSM.
- Boleh ceritakan sedikit tentang ahli keluarga sebelah Puan Zaini.
- Sekarang ini masih berhubung dengan adik beradik?
- Semua tinggal di kawasan Kelantan?
- Sepanjang hidup Puan Zaini apakah kesusahan yang pernah dialami dalam hidup Puan Zaini?

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

- Boleh Puan Zaini cerita tentang sekolah rendah?
- Sekolah menengah?
- Pengajian di peringkat tertinggi?
- Ijazah?
- Selain itu ada tidak sijil-sijil lain yang diperolehi oleh Puan Zaini?
- Anugerah kecemerlangan yang pernah Puan Zaini dapat semasa di dalam pembelajaran?
- Apakah kekuatan yang ada pada puan Zaini yang menjadikan Puan Zaini tabah dalam kehidupan untuk mencari ilmu, yang membuat Puan Zaini lebih tabah?
- Apakah subjek pelajaran yang paling diminati oleh Puan Zaini?
- Kenapa jadikan matematik sebagai subjek yang diminati?

- Semasa belajar macam mana Puan Zaini memahami satu-satu subjek itu bila tidak faham, contohnya macam bila guru mengajar ada satu bahagian itu Puan Zaini tidak faham adakah Puan Zaini balik ulangkaji atau bertanya pada guru?
- Macam dari segi pengurusan jadual waktu, berapa jam digunakan untuk belajar, berapa jam digunakan untuk rehat atau aktiviti luar?
- Sepanjang pembelajaran itu, sumber kewangan itu diperolehi dari mana?

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN TOKOH

- Sebelum datang bekerja di bahagian rekod HUSM ini ada dapat tawaran lain dari mana-mana syarikat?
- Sebelum dapat tawaran masa belajar, ada buat kerja sampingan untuk menampung kewangan?
- Sebelum dapat jawatan Bahagian Pengurusan Rekod, ingin menceburi bidang lain?
- Sepanjang bekerja, etika kerja yang Puan Zaini selalu patuh dalam diri?
- Sepanjang bekerja ada tidak satu tugas itu yang susah untuk selesaikan?
- Ada dapat kan bantuan dari rakan sekerja yang lain atau memang bekerja dalam kumpulan?

### BAHAGIAN 4: LATAR BELAKANG UNIT REKOD

- Boleh ceritakan sedikit tentang unit rekod?
- Pemantauan dari segi pengurusan rekod dilakukan disini atau ada tempat lain yang buat pemantauan rekod ini?
- Dalam pengurusan rekod hospital di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia] ini ada kerjasama dengan mana-mana bahagian lain, syarikat lain atau hospital-hospital lain untuk pengurusan rekod?
- Rekod yang diuruskan di unit rekod ini adakah merangkumi semua rekod yang ada di HUSM atau sekadar rekod pesakit sahaja dari segi rekod kewangan, pembayaran untuk pihak pesakit atau semua sekali dengan rekod-rekod kewangan yang terlibat dengan bahagian HUSM ini?
- Bahagian yang menguruskan rekod-rekod lain hanya bahagian lain?
- Perasmian unit rekod ini pada tahun berapa?

## BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN TOKOH DALAM PENGURUSAN REKOD HUSM

- Boleh tahu serba sedikit penglibatan Puan Zaini semasa Pengurusan Rekod HUSM?
- Sebelum itu, memang tiada pegawai lain lah yang pegang jawatan itu?
- Berapa jumlah kakitangan yang ada?
- Sekarang ini kelulusan minimum untuk bekerja?
- Pemilihan pekerja adakah ia bergantung dari segi kelulusan daripada IPT. Adakah fokus pada kos yang mereka ambil atau kos lain untuk melaksanakan bahagian rekod?
- Pemilihan skop untuk serapan pekerja ini bergantung pada gred lah dan kelulusan. Fokus pemilihan pekerja itu adakah dari segi pekerja itu yang tinggal dalam negeri ini ataupun dari luar negeri pun ada ambil ke?
- Harapan Puan Zaini dalam merancang untuk penambahbaikan kembali unit rekod ini?
- Bahagian HUSM ini ada tak buat pendigitalan rekod ada buat tak?
- Kalau rekod dah didigitalkan, adakah yang dari segi salinan asal itu masih disimpan lagi untuk beberapa tahun tempoh jangka masa?
- Dari segi pelupusan rekod yang lebih daripada 10 tahun, pelupusan itu dilaksanakan sendiri oleh HUSM atau dilaksanakan oleh arkib?
- Pelupusan rekod ini dilakukan oleh satu syarikat yang diiktiraf oleh bahagian arkib. Adakah proses pemuliharaan rekod dilaksanakan? Proses pemuliharaan rekod-rekod yang rosak yang dikatakan penting dibaik pulih.
- Ada rekod yang disimpan, maknanya setelah sampai jangka hayat 10 tahun tapi masih disambung lagi proses penyimpanannya sebab dari segi maklumat yang ada dalam itu penting?

## BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN, PENGLIBATAN DAN PENGANUGERAHAN

- Adakah bahagian rekod HUSM ini terlibat dengan aktiviti luar sama ada pencapaian tertinggi atau program-program bersama kerajaan?
- Sepanjang bekerja di HUSM ada tak anugerah yang diberikan kepada Puan Zaini diatas pencapaian pengurusan?

- Anugerah ini diberikan atas segi pencapaian ataupun kualiti bekerja?
- Aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan oleh bahagian rekod ada tak?
- Selain dari segi aktiviti kemasyarakatan ada tak program-program khas yang sentiasa dilaksanakan setiap tahun bahagian rekod ini?
- Ada tak aktiviti yang dilakukan tiada dalam perancangan tetapi dilakukan secara mengejut untuk membantu mangsa-mangsa banjir?

#### BAHAGIAN 7: PENDAPAT, PANDANGAN DAN NASIHAT DARIPADA TOKOH

- Apakah pendapat dan pandangan Puan Zaini kalau seorang pelajar atau pekerja dalam menjalankan suatu pekerjaan tugas yang diberi?
- Sepanjang bekerja dibahagian rekod HUSM, adakah Puan Zaini berpuas hati dengan pekerjaan dengan tugas-tugas yang diberi?
- Apakah kata-kata hikmah atau ayat yang dipegang dalam prinsip hidup Puan Zaini?
- Ada serba sedikit pesanan untuk diberikan kepada-kedua pekerja dalam melaksanakan tugas dibahagian rekod ini?
- Adakah Puan Zaini galakkan pelajar-pelajar diluar sana menceburi bidang-bidang rekod ini atau fokus kepada bahagian rekod ini?
- Apakah nasihat dan pesanan Puan Zaini kepada graduan-graduan diluar sana mencari pekerjaan sekarang ini dan dalam memilih pekerjaan, terima pekerjaan yang akan dapat?
- Bahagian Pengurusan Rekod HUSM ini adakah ia 100% penggunaan kepada sistem ataupun masih bercampur secara manual dengan sistem untuk pencarian rekod, pencarian dan penyimpanannya.
- Sistem yang digunakan dibahagian rekod HUSM ini, ada tak digunakan di hospital-hospital lain yang seperti menggunakan sistem ini untuk pengurusan rekod mereka di hospital lain menggunakan sistem?
- Soalan terakhirlah, apakah nasihat Puan Zaini kepada pelajar-pelajar diluar sana untuk minat mengurus rekod kerajaan untuk bagi dorongan kepada mereka fokus dalam pembelajaran mereka sebab sekarang ini sekadar belajar untuk kelulusan bukan untuk menimba ilmu.
- Satu lagi soalan saya, katakanlah Puan Zaini bersara dalam bahagian pengurusan rekod ini, ada tak perancangan untuk membuat pekerjaan lain

sampingan, macam, buat pendidikan untuk siapa-siapa yang baru ini untuk tentang kursus-kursus rekod macam menurunkan ilmu kepada mereka.

- Ada kata-kata akhir daripada Puan Zaini?

# **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan PUAN ZAINI BT MOHD NOOR Pada 28 MEI 2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 28 MEI 2015 (tarikh).  
Dipersetujui pada 28 MEI 2015 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Puan Zaini binti Mohd Noor  
Pegawai Pengurusan Rekod  
Hospital Universiti Sains Malaysia

.....  
  
Dr. Mohd Nasir Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-  
Undang UiTM (Kelantan)

# **GAMBAR**





Rajah 1: Sesi bergambar dengan Puan Zaini binti Mohd Noor

# INDEKS

## **INDEKS**

### **A**

Akta 23, 24

Amanah 29, 30, 31

Anugerah 8, 25, 26, 28

Apply 6, 7, 16

Arkib

### **B**

Bahagian 2, 4, 7, 8, 11, 12, 13, 15, 16,  
17, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 27,  
28, 29, 31, 32, 33, 36

Baru 3, 4, 6, 13, 15, 30, 32, 35,

Business 32

### **D**

Diploma 3, 15,

### **E**

Elektronik 3, 22,

EMR 13, 22

### **F**

Fail 18, 22, 33

Fokus 4, 10, 13, 20, 21, 22, 30, 31, 32,  
34

### **H**

HUSM 2, 5, 12, 16, 17, 18, 19, 20, 23,  
25, 26, 28, 29, 33, 39, 40, 42

### **I**

Ijazah 8, 15

Institusi 4, 21, 31, 34, 35, 36

Integriti 31

IPT 4, 21

### **J**

Jawatan 5, 12, 20, 40

JPA

11,21

### **K**

Komputer 8, 12, 13, 16, 32, 33, 34

Kerja 3, 4, 6, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 20,  
21, 22, 26, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 40

Kes 6, 7, 16, 17, 18, 24, 26, 27, 28, 36

Kewangan 4, 6, 10, 12, 18, 28, 31, 35

### **L**

Latar belakang 2, 7, 8, 11, 14, 15, 39

### **M**

Maklumat 2, 3, 13, 18, 24, 31, 33

### **P**

Pegawai 2, 13, 15, 20, 33

Pelajar 2, 4, 9, 12, 21, 29, 31, 34, 35,  
40

Pencarian 33

Pendidikan 4, 7, 8, 11, 35, 39

Penglibatan 20, 25, 26

Pengurusan 2, 10, 12, 13, 15, 16, 17,  
19, 20, 22, 25, 26, 29, 31, 32, 33, 35, 40

Pengurusan Rekod 2, 12, 15, 16, 17,  
19, 20, 22, 25, 31, 32, 33, 35, 40

Pensyarah 10, 12

Perniagaan 32

Perubatan 12, 15, 18, 20, 21, 22, 24, 32

Pesakit 15, 16, 17, 18, 22, 23, 27

Profesion 13, 14, 21

Puan Zaini 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 13, 14, 20,  
22, 26, 29, 30, 31, 34, 35, 36, 39, 42, 48

## R

Rekod 2, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19,  
20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29,  
30, 31, 32, 33, 34, 35, 39, 40

Research 13, 18, 34

Researcher 18

## S

Simpan 23, 24

Sistem 3, 12, 13, 33

SRP 21

Student 12

System analyst 12

## T

Tahun 2, 15, 16, 18, 20, 21, 23, 24, 26,  
27, 33, 34

Temubual 2, 35, 36, 39, 42

Tugasan 13, 29, 30, 31

## U

Unit Rekod 2, 13, 14, 15, 16, 17, 18,  
21, 22, 26, 30, 32, 33, 39, 40

Utama 9, 16, 30